

ISOLASI SOSIO-BUDAYA MASYARAKAT ORANG ASLI DI MALAYSIA DAN KESANNYA TERHADAP PENTAFSIRAN HUKUM ISLAM

The Isolation of the Socio-cultural of Indigenous Community in Malaysia and Its Effect towards the Interpretation of Islam Law

Paiz Hassanⁱ & Mohd Anuar Ramliⁱⁱ

ⁱ Pelajar Pasca Siswazah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur/Pensyarah kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Kampus Seri Iskandar, Perak. Emel: paiz4186@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. Emel: mohdanuar@um.edu.my

Abstrak	Abstract
<p>Majoriti masyarakat Orang Asli yang merupakan penduduk asal di semenanjung Malaysia mendiami kawasan pedalaman di hutan hujan tropika yang kaya dengan khazanah alam. Kehidupan mereka terasing daripada masyarakat luar disebabkan beberapa faktor seperti geografi, kadar literasi yang rendah, pandangan negatif masyarakat sekitar dan sikap tertutup masyarakat Orang Asli. Gerakan dakwah yang dijalankan secara konsisten telah membawa perubahan kepercayaan sebahagian masyarakat Orang Asli daripada berorientasikan animisme kepada mempercayai Tuhan yang Esa. Pengamalan Islam sebagai cara hidup dalam kehidupan masyarakat Orang Asli didapati agak sukar untuk dipraktikkan lantaran pendekatan fiqh yang disampaikan kepada mereka tidak meraikan suasana setempat mereka. Sehubungan itu, kajian ini akan meneliti keadaan isolasi sosio-budaya masyarakat Orang Asli dan kesannya terhadap pentafsiran hukum Islam. Bagi mencapai objektif tersebut, pengkaji menggunakan kajian kepustakaan sepenuhnya dengan menelusuri literatur berkaitan dengan</p>	<p>Majority of the indigenous people who are the original inhabitants in Malaysia inhabit the remote area of tropical forest which is rich in natural resources. Their lives are separated from the outside community due to several factors such as geography, low literacy, negative perceptions of the surrounding community, and the closed-door attitude of the indigenous people. Consistent preaching activities have changed the faith of the indigenous people from animism orientation towards believing in the Oneness of God. The practice of Islam as a way of life in the lives of indigenous peoples is found to be difficult to practice because the fiqh approach presented to them does not celebrate their local condition. In this regard, this study will examine the socio-cultural isolation of indigenous peoples and their impact on the interpretation of Islamic law. To achieve this objective, the researchers have applied the library research method by referring to the literatures related to the discussion of Islamic scholars in various disciplines of fiqh and usūl al-fiqh. The research found</p>

<p>perbincangan sarjana Islam dalam pelbagai disiplin ilmu fiqh dan usul fiqh. Hasil kajian mendapati terdapat rukhsah dan pendekatan taysir diberikan kepada mereka yang hidup terasing serta berlatar belakang budaya setempat bagi memudahkan urusan keagamaan masyarakat Orang Asli.</p> <p>Kata kunci: Keterasingan, rukhsah, taysir, orang asal</p>	<p>that there is rukhsah and taysir approach given to isolated people as well as with local background to facilitate the religious affairs of the indigenous people.</p> <p>Keywords: Isolation, rukhsah, taysir, indigenous people</p>
--	--

1. PENDAHULUAN

Setiap masyarakat tumbuh dan berkembang selari dengan pengaruh persekitarannya. Masyarakat Orang Asli sebahagian besar masih mendiami kawasan pedalaman dan terisolasi dari aspek sosio-budaya. Walaupun begitu, hasil usaha giat golongan pendakwah, agama Islam telah berjaya menembusi kelompok masyarakat Orang Asli. Berlaku proses pengislaman secara berterusan hingga kini. Namun, masih terdapat kelompangan dari aspek kefahaman dan pengamalan hukum Islam dalam kalangan mereka. Faktor isolasi dari aspek geografi dapat dilihat dalam kehidupan mereka yang jauh di kawasan terpencil dan pedalaman, sedangkan isolasi sosial dapat dilihat dalam bentuk komunikasi dan interaksi dengan masyarakat Islam yang minimum dan dari aspek isolasi budaya pula dapat dilihat dalam kehidupan mereka berbentuk nomad dan primitif di samping tidak terdedah dengan kebudayaan masyarakat Islam.

Dalam perbincangan hukum Islam, keadaan isolasi (unsur tempat dan keadaan) ini menjadi justifikasi kalangan ulama dalam pembentukan hukum. Umpamanya pendekatan ini dapat ditelusuri dalam koleksi *qawl qadim* ketika Imam Syafi'i berada di Iraq dan *qawl jadid* ketika beliau berada di Mesir. Di samping itu, Ibn al-Qayyim juga pernah mengusulkan kaedah *taghayyur al-fatwa* (perubahan hukum) yang disebabkan berlakunya perubahan tempat dan keadaan. Selain itu, pendekatan *al-taysir* dan *al-tadarruj* juga digunapakai oleh para ulama dalam pendekatan hukum sesuai dengan keadaan sesuatu masyarakat agar Islam dapat diamalkan secara holistik. Berasaskan pendekatan ini, suasana rimba yang melatari kehidupan masyarakat Orang Asli dan sedikit sebanyak wujud kesukaran dalam mengamalkan Islam secara komprehensif dapat ditangani. Justeru, kajian ini akan membincangkan tentang konsep isolasi sosio-budaya dan kesannya terhadap pentafsiran hukum Islam dalam masyarakat Orang Asli di Malaysia.

2. KONSEP ISOLASI SOSIO-BUDAYA

Perkataan isolasi diambil daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu *isolate* yang membawa maksud pengasingan. Perkataan ini '*isolate*' berasal daripada bahasa Latin *insula* (Lexico Dictionaries, 2020). Ia didefinisikan sebagai keadaan seseorang, benda atau kumpulan yang telah diasingkan disebabkan terdapat halangan geografi, ekologi, atau sosial (The American Heritage Dictionary, 2020). Menurut Kamus Dewan (2005), isolasi merujuk kepada pemencilan, pengasingan atau pemisahan.

Dari segi istilah, ia digunakan dalam pelbagai bidang sama ada perubatan, kimia, biologi, dan sains sosial. Pentakrifannya selari dengan dengan disiplin ilmu berkenaan. Isolasi sosial umpamanya dalam kesihatan awam dibincangkan dalam konteks warga emas (Coyle & Dugan, 2012) dan mereka yang mengalami gangguan mental (Teo, 2013). Ia ditakrifkan sebagai keadaan ketiadaan interaksi sosial, kontak, dan hubungan dengan keluarga dan rakan, dengan jiran pada tahap individu (Gilmartin et al., 2013), dan dengan "masyarakat umum" pada tahap yang lebih luas. (Fakoya et al., 2020; Valtorta & Hanratty, 2012).

Kebiasaannya perbincangan mengenai isolasi masyarakat lebih berfokuskan kepada faktor lokasi atau kedudukan geografi yang jauh dari kawasan pembangunan. Para sarjana mempunyai pelbagai pandangan mengenai jarak dan lokasi yang membolehkan masyarakat di tempat tersebut diiktiraf sebagai masyarakat yang terpencil. Satu kajian menunjukkan kawasan yang sangat terpencil meliputi hanya kira-kira 10% daripada daratan dunia di mana kebiasaannya lokasi tersebut tidak berpenghuni atau jarang dihuni dan mengambil masa lebih daripada 48 jam perjalanan dari sebuah bandar besar (Liarakou, Gavrilakis & Flogaitis, 2014).

Terdapat juga sarjana yang membezakan antara *isolated community* dengan *remote community*. *Isolated community* dijelaskan sebagai kawasan geografi yang mempunyai penerbangan berjadual dan perkhidmatan telefon yang baik serta tidak mempunyai kemudahan jalan sepanjang tahun. Berbeza dengan istilah *remote community* yang menggambarkan kawasan geografi yang didiami oleh sebuah komuniti yang terletak lebih dari 350 km dari pusat perkhidmatan terdekat yang mempunyai akses jalan sepanjang tahun (White et al., 2008). Dengan itu, indikator untuk mengklasifikasikan kawasan terpencil juga mengambilkira kepadatan penduduk, kadar mereka yang mempunyai akses bekalan elektrik, jalinan jalan raya yang mudah untuk dilalui, kemudahan untuk mendapatkan bekalan air bersih dan kadar penggunaan telefon bimbit dan jalinan internet (Liarakou, Gavrilakis & Flogaitis, 2014).

Selain itu keterasingan mereka dari aspek sosio-budaya memperlihatkan adanya perbezaan yang khusus antara masyarakat Orang Asli dengan keadaan sosio-budaya masyarakat umum. Mereka hidup secara

tradisional, masih terbelakang berbanding kehidupan masyarakat umum yang lebih moden (Sugiyanto dan Mochamad Syawie, 2007). Mereka dianggap hidup terpencil dari arus kehidupan sosial dan budaya masyarakat luar (Persoon, 1998). Ini disebabkan mereka tetap kuat mempertahankan gaya hidup secara tradisional yang diwarisi secara turun-temurun sejak dari zaman nenek-moyang mereka. Walaupun tekanan dari luar sangat kuat untuk merubah pola kehidupan tradisional ke pola hidup moden, namun kelompok masyarakat mereka tetap memilih cara hidup secara tradisional.

Menurut Zulfa (2015), komuniti masyarakat Orang Asli atau orang terasing biasanya hidup berpindah randah, menetap sementara atau menetap dalam kelompok tersendiri. Mereka bergantung dengan alam sekitarnya sebagai sumber kehidupan. Pekerjaan mereka adalah petani sara diri, memungut hasil hutan dan berburu. Selain itu, pakaian yang dipakai oleh mereka masih minimum dan ada yang sekadar menutup anggota kelamin. Tingkat pengetahuan mereka adalah rendah dan terikat kepada sistem nilai dan adat istiadat sehingga cenderung bersikap tertutup dan sulit untuk menerima perubahan. Akibatnya mereka terisolasi, baik secara teritorial mahupun secara sosio-budaya dari realiti kehidupan bangsa lain (Mat Syuroh, 2011).

Berdasarkan ciri tersebut mereka alami isolasi geografi kerana berada di penempatan tersendiri dan terpencil jauh di pedalaman. Manakala isolasi sosial dialami apabila tiada komunikasi dan interaksi sosial dengan masyarakat Islam di sekeliling mereka. Sedangkan dari aspek isolasi budaya, mereka tiada kontak budaya, malah tidak mengetahui cara hidup dan budaya masyarakat Islam. Justeru, istilah terasing atau isolasi merujuk kepada dua ciri utama, iaitu isolasi dari aspek geografi dan isolasi dari aspek sosio-budaya. Ini kerana terdapat etnik yang terisolasi dari aspek geografi sebaliknya maju dalam budaya dan ekonomi (Joko Triwanto, 2000). Dalam kajian ini, pengkaji menfokuskan kepada isolasi sosio-budaya dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Malaysia dan kesannya terhadap pentafsiran hukum Islam.

3. FAKTOR-FAKTOR ISOLASI SOSIO-BUDAYA MASYARAKAT ORANG ASLI

Orang Asli merupakan penduduk asal yang telah mendiami Tanah Melayu sejak sekian lamanya. Bersesuaian dengan keperluan asasi manusia untuk kelangsungan hidup maka sumber makanan dan minuman menjadi kawasan tumpuan penempatan manusia pada zaman dahulu. Lantaran itu penempatan masyarakat Orang Asli tertumpu di kawasan pergunungan di tengah-tengah Semenanjung Malaysia (Kroes, 2002).

Berdasarkan sorotan literatur dapat dikenalpasti empat faktor yang menjadikan masyarakat Orang Asli berada dalam keadaan isolasi iaitu:

3.1 Keadaan geografi

Kedudukan geografi penempatan masyarakat Orang Asli merupakan salah satu faktor berlakunya isolasi dalam kalangan mereka. Mereka bertebaran di seluruh Semenanjung Malaysia kecuali Perlis dan Pulau Pinang (Haliza, 2018). Kedudukan Semenanjung Malaysia yang berada di garisan khatulistiwa menyebabkan Malaysia mengalami iklim panas dan lembap sepanjang tahun. Keadaan ini menjadikan kawasan tengah semenanjung Malaysia kaya dengan khazanah alam sehingga mendapat pengiktirafan oleh sarjana sejarah sebagai kawasan yang paling subur di dunia selain hutan Borneo dan hutan Amazon (Abdul Razaq & Zalizan, 2009). Lantaran itu penduduk peribumi seperti Orang Asli menjadikan kawasan tersebut sebagai penempatan utama mereka kerana sumber asas kelangsungan hidup mudah diperolehi di situ. Kehidupan mereka di tengah belantara menjadikan mereka jauh terasing daripada kawasan pembangunan. Oleh sebab itu sikap pemencilan diri masyarakat Orang Asli bersesuaian dengan naluri kehidupan mereka yang hidup terasing daripada masyarakat luar dan hanya berinteraksi dengan alam sekitar.

Bilangan masyarakat peribumi di Malaysia adalah seramai 178,197 yang mewakili kira-kira 0.5% daripada penduduk Malaysia (Sub Etnik Penduduk Orang Asli Mengikut Negeri, 2018.). Majoriti daripada mereka iaitu sekitar 61% mendiami di kawasan pinggir bandar, 38% masih kekal di kawasan pedalaman dan bakinya 1% berada di kawasan bandar.

Jadual 1: Penempatan Masyarakat Orang Asli

LOKASI	PERATUSAN
Pedalaman	38%
Pinggir Bandar	61%
Bandar	1%

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA), 2018

Berdasarkan jadual di atas sebahagian besar komuniti Orang Asli berada di kawasan yang terletak jauh daripada pembangunan. Daripada jumlah tersebut pula separuh daripada mereka mendiami kawasan yang sangat terpencil di tengah hutan menyebabkan kesukaran berlakunya interaksi dengan orang luar. Terdapat penempatan yang tidak ada kemudahan jalan untuk sampai ke sana melainkan terpaksa berjalan kaki hampir 4-5 jam (Mazdi, Jabil & Rosmiza, 2014). Situasi ini melebarkan lagi jurang isolasi mereka dengan dunia luar.

Kajian Carey (1976) mengukuhkan lagi isolasi masyarakat Orang Asli di mana menurut beliau komuniti masyarakat Orang Asli boleh dipecahkan kepada empat keadaan:

- i. Komuniti yang tinggal jauh dalam hutan yang memerlukan masa beberapa hari untuk sampai ke perkampungan orang Melayu yang berhampiran.
- ii. Komuniti yang berada di kawasan hutan yang memerlukan masa beberapa jam untuk sampai ke jalan perhubungan yang berhampiran.
- iii. Komuniti yang menetap di pinggir bandar yang berdekatan dengan perkampungan Melayu dan boleh dilalui oleh kenderaan.
- iv. Komuniti yang mengalami proses asimilasi dengan kebudayaan masyarakat Melayu dan sebahagian besar dari mereka beragama Islam namun masih lagi mengekalkan tradisi budaya mereka.

Selain itu, pemilihan kawasan terpencil sebagai lokasi penempatan masyarakat Orang Asli adalah kerana hutan belantara merupakan segala-galanya bagi mereka dan menjadi nadi kehidupan supaya kelangsungan hidup dapat diteruskan tanpa sebarang gangguan. Ianya merupakan harta pusaka yang diwarisi turun-temurun daripada nenek moyang mereka yang mesti dijaga dan dipelihara (Muhammad Syamsul et al., 2016). Ia juga berkait rapat dengan kepercayaan mereka kepada alam semula jadi yang harus dipuja agar dewa, roh, kuasa ghaib dan penunggu hutan tidak menzahirkan kemarahan mereka yang boleh dilihat dalam bentuk banjir, kemarau, ribut dan lain-lain (Haliza, 2018).

3.2 Kadar literasi yang rendah

Penguasaan ilmu pengetahuan sangat penting bagi menjamin kelangsungan kehidupan dalam sesebuah masyarakat dan sekaligus dapat membentuk sebuah tamadun yang unggul. Keciciran dalam pendidikan akan menjarakkan jurang antara individu dengan individu yang lain, sebuah komuniti dengan komuniti yang lain, suatu tempat dengan tempat yang lain dan sebagainya. Kebiasaannya buta huruf disebabkan faktor kemiskinan, lokasi yang terpencil, kesihatan, ketiadaan kemudahan pengangkutan, kemudahan pembelajaran dan lain-lain (Samat, 2018).

Masyarakat Orang Asli tidak terlepas daripada masalah pendidikan yang membelenggu mereka sejak sekian lamanya. Kadar buta huruf di kalangan mereka sangat tinggi berbanding dengan etnik lain. Kebanyakan anak-anak Orang Asli gagal menguasai kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira) dan majoriti daripada mereka keciciran dalam pembelajaran sama ada di peringkat sekolah rendah apatah lagi di peringkat sekolah menengah (Johari & Nazri, 2004). Kajian Nor Fariha Aniza et al. (2016) menyatakan daripada 100 pelajar Orang Asli yang mendaftar tahun satu, hanya enam pelajar sahaja yang berjaya menamatkan persekolahan sehingga tingkatan lima. Begitu juga dengan kajian Wan Afizi & Shaharuddin (2017) terhadap murid SK Pos Brooke dan SK Pos Pulat di Gua Musang Kelantan

yang merumuskan tahap prestasi pendidikan mereka berada pada peringkat yang sangat rendah walaupun pelbagai bantuan telah diberikan sama ada dalam aspek pembangunan infrastruktur mahu pun program pendidikan. Menurut Muhammad Fuad et al. (2016), mentaliti pemikiran ibu bapa masyarakat Orang Asli juga merumitkan lagi keadaan ini dengan menganggap sekolah hanya sebagai tempat untuk menghantar anak-anak mereka untuk bermain dan mendapatkan makanan yang baik. Terdapat juga yang berpandangan sinis dengan kemampuan pendidikan formal dalam mengubah sosial-ekonomi mereka (Muhammad Fuad et al., 2016). Pendidikan asas sehingga darjah enam sudah mencukupi buat anak-anak mereka bagi memenuhi keperluan asas membaca dan mengira (KPLB, 2018).

Jadual 2: Keciciran Transisi Mengikut Tahun

Bil. Pelajar Tamat Darjah 6		Bil. Pelajar Daftar Tingkatan 1		Bilangan Pelajar Cicir	Peratus Keciciran (%)
Tahun Tamat	Bilangan Tamat	Tahun Daftar	Bilangan Daftar		
2009	4,411	2,010	3,145	1,266	28.70%
2010	4,271	2,011	3,001	1,270	29.74%
2011	4,091	2,012	3,046	1,045	25.54%
2012	4,705	2,013	3,519	1,186	25.21%
2013	4,464	2,014	3,478	986	22.09%
2014	4,295	2,015	3,444	851	19.81%
2015	4,488	2,016	3,710	770	17.16%
2016	4,222	2,017	3,515	707	16.75%
2017	3,994	2,018	3,315	679	17.00%

Sumber : Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), 2018

Data di atas menunjukkan peratusan keciciran murid Orang Asli semakin menurun apabila berlaku transisi daripada sekolah rendah ke sekolah menengah hasil usaha pelbagai pihak bagi mengurangkan kadar literasi di kalangan mereka. Namun begitu, penguasaan mereka dalam kemahiran berfikir, penyelesaian masalah dan sebagainya didapati kurang kompeten. Bahkan menurut Shaari et al. (2011) kebanyakan murid Orang Asli mengalami masalah dalam menguasai 3M. Terdapat di kalangan mereka yang boleh membaca tetapi tidak boleh memahami kandungan ayat. Kelemahan ini akan memberi impak kepada penguasaan ilmu pada peringkat yang selanjutnya terutamanya dalam peperiksaan besar. Ini dapat dibuktikan dalam satu kajian kegagalan murid Orang Asli dalam peperiksaan UPSR adalah berpunca daripada kelemahan mereka menguasai kemahiran 3M (Nur Bahiyah & Maryati, 2013).

Begitu juga dengan sikap ibu bapa Orang Asli di kawasan pedalaman yang tidak mengambil berat perihal pendidikan anak-anak mereka. Pendidikan dianggap tidak penting. Mereka juga tidak cakna kehadiran anak-anak mereka ke sekolah apatah lagi memantau prestasi pelajaran mereka (Nur Bahiyah & Maryati, 2013). Pendidikan anak-anak hanya sekadar di peringkat sekolah rendah (Mohamad Johdi & Abdul Razak, 2009). Ini dibuktikan dengan kadar keciciran pelajar sekolah menengah di negeri Perak dalam kalangan Orang Asli mengalami peningkatan iaitu; 40.01 peratus (2015), 42.43 peratus (2016), 42.90 (2017) dan 51.06 peratus (2018) (Suara Perak, 2019). Namun begitu, dapatan kajian Mohd Muizzuddin et al. (2018) di kawasan penempatan berhampiran bandar menunjukkan ada perbezaan. Ibu bapa atau penjaga kanak-kanak Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin, Pahang berbeza kerana mereka tetap mementingkan pelajaran dan masa depan anak-anak dengan mendorong dan menghantar mereka ke sekolah. Dorongan ini diperkukuhkan lagi dengan bantuan pengangkutan dan lokasi sekolah yang berhampiran dengan petempatan.

3.3 Sikap negatif masyarakat sekitar

Sebahagian besar masyarakat Orang Asli menetap di kawasan pinggir bandar. Kebanyakan perkampungan mereka berada dalam lingkungan 10 ke 20 km dengan perkampungan masyarakat Melayu. Hubungan sosial dengan masyarakat Melayu telah wujud sejak sekian lama terutama melalui aktiviti perdagangan di mana berlaku proses pertukaran atau jual beli dalam bentuk barangan dengan Orang Asli memberikan produk hasil hutan dan sebagai balasannya mereka memperolehi barangan daripada orang Melayu seperti pisau, garam, kapak dan sebagainya. Namun begitu, disebabkan tidak berlaku proses asimilasi secara struktural di antara mereka menyebabkan jurang antara dua etnik ini semakin luas dengan masyarakat Orang Asli semakin menyendiri di kawasan penempatan mereka.

Kekurangan masyarakat Orang Asli dalam banyak perkara seperti kemiskinan, keciciran dalam pendidikan, kesihatan, kemudahan asas dan lain-lain menyebabkan layanan masyarakat sekitar sangat hambar. Mereka dilayan seperti masyarakat kelas kedua. Pandangan prejudis masyarakat sekitar terhadap Orang Asli sebagai golongan yang kurang maju dan terbelakang menyebabkan mereka semakin terasing di bumi sendiri (Nur Bahiyah & Maryati, 2013). Tambahan lagi dengan jumlah sekitar 0.5% daripada jumlah penduduk Malaysia menjadikan mereka kaum minoriti yang seringkali dipinggirkan sama ada dalam isu sosial dan ekonomi (Mohd Izzuddin, 2010).

Menurut A'dawiyah et al. (2014) sikap masyarakat sekitar terutamanya orang Melayu yang tidak menghormati masyarakat Orang Asli menyebabkan mereka semakin menyendiri dan tidak mahu menerima kehadiran orang luar

terutamanya ajaran Islam. Sikap tidak menunaikan janji, menipu Orang Asli ketika berjual beli, memandang hina dan jijik sehinggakan tidak mahu menyentuh makanan hidangan Orang Asli dan sebagainya merupakan bentuk perendahan yang dihadapi oleh mereka.

Kajian Jamilah & Engku Ahmad Zaki (2017) mendapati pengislaman masyarakat Orang Asli dipandang negatif oleh masyarakat Melayu kerana menganggap mereka ini memeluk Islam atas faktor kebendaan. Selain itu, masyarakat sekitar mempunyai sikap skeptikal terhadap masyarakat Orang Asli dan seringkali menjadikan kaum tersebut sebagai modal sosial bagi bahan 'gurau senda' dalam perkara negatif.

3.4 Stereotaip Orang Asli

Faktor sikap juga turut menyumbang kepada isolasi masyarakat Orang Asli. Mereka dikenali dengan sifat pemalu yang menebal dalam diri mereka. Kemahiran interpersonal jarang ada pada Orang Asli disebabkan rasa rendah diri dan kekurangan interaksi dengan masyarakat luar (Redzuan & Mohd Taufiq, 2018). Interaksi sosial kebanyakan berlaku sesama mereka disebabkan penempatan mereka berada agak jauh daripada perkampungan masyarakat Melayu tanpa dinafikan terdapat juga penempatan mereka yang berhampiran dengan kampung Melayu yang berdekatan namun pergaulan tetap terbatas. Masyarakat Orang Asli terutamanya golongan pelajar mempunyai konsep sendiri yang rendah kerana seboleh-bolehnya akan mengelak daripada bertembung dan bertemu dengan masyarakat luar apabila berkunjung ke perkampungan mereka (Mohamad Johdi & Abdul Razak, 2009). Perasaan malu ini juga memberi kesan kepada pendidikan anak-anak Orang Asli kerana sikap ini menyebabkan mereka semakin ketinggalan dan tidak memahami dalam pelajaran yang dipelajari (Nur Bahiyah & Maryati, 2013). Mereka turut merasakan kedudukan sosial mereka amat rendah dan terdapat jurang perbezaan darjat yang sangat besar berbanding etnik lain yang menyebabkan mereka semakin menyendiri (Abdullah & Mohd. Akbal, 2001).

Selain itu, Orang Asli juga sangat sensitif dan mudah tersinggung apabila orang luar menyentuh tentang sesuatu yang melibatkan kebudayaan mereka. Kata-kata pujian pun kadang kala dianggap sebagai suatu bentuk sindiran terhadap cara hidup mereka (Abdullah & Mohd. Akbal, 2001). Begitu juga dalam pemilihan bahasa dan perkataan di mana menurut Nur Damia Husna & Zulkefli Aini (2017) kesalahan memilih perkataan semasa proses komunikasi boleh menyebabkan impak negatif kerana Orang Asli mudah tersinggung dengan penggunaan bahasa yang mungkin bagi masyarakat setempat perkataan tersebut biasa sahaja tetapi bagi mereka ianya seolah-olah menyindir dan merendahkan Orang Asli. Menurut Zulkefli Aini et al. (2018) nada suara ketika komunikasi atau mengajar perlu dijaga kerana

penggunaan suara yang kuat atau tinggi boleh menyebabkan mereka tersentuh dan merajuk.


Berdasarkan kepada empat faktor ini dapatlah disimpulkan bahawa masyarakat Orang Asli berada dalam suatu suasana keterasingan daripada masyarakat luar. Tambahan lagi dengan pengislaman masyarakat Orang Asli sudah pasti membawa perubahan dalam kebudayaan mereka. Pengubahsuaian dalam sistem kehidupan pasti akan berlaku dan boleh membawa konflik antara tuntutan agama dan adat sekiranya tidak ditangani dengan penuh hikmah.

4. KESAN ISOLASI SOSIO-BUDAYA TERHADAP PENTAFSIRAN HUKUM ISLAM

Keterasingan masyarakat Orang Asli berlaku dalam pelbagai aspek seperti mana yang telah dijelaskan di atas. Isolasi sosio-budaya boleh memberi kesan kepada pentafsiran hukum Islam sesuai dengan dasar agama sebagai *rahmatan lil-alamin*. Berdasarkan asas ini, pelbagai medium dapat ditawarkan bagi mengambilkira realiti mereka yang terisolasi. Umpamanya instrumen uruf dan pendekatan *al-taysir* yang menitikberatkan kaedah *rukhsah* boleh digunapakai sebagai ruang kepada masyarakat Orang Asli dapat mempraktikkan ajaran Islam. Ini termasuklah perubahan hukum '*azimah* kepada *rukhsah* (mengambilkira faktor *al-darurah*, *al-masyaqqah*, *al-jahl*, *ikrah* dan *umum al-balwa* dengan ciri atau kesan isolasi Orang Asli), perluasan hukum kepada lebih memudahkan apabila mukallaf mengalami kesulitan, perluasan hukum dalam perkara muamalat selagi tidak ada dalil pengharaman, pertimbangan terhadap tradisi masyarakat Orang Asli yang tidak bertentangan dengan hukum syarak, pemakaian teori *taghayyur al-fatwa*, penganalisaan terhadap perbendaharaan fiqh dalam mazhab Syafi'ie dan pelbagai mazhab supaya bersesuaian dengan realiti kehidupan masyarakat Orang Asli (*fiqh al-waqi'*), pertimbangan antara masalah dan mafsadah dalam interaksi dengan isolasi masyarakat Orang Asli (*fiqh al-muwazanat*) dan lain-lain.

Gambaran secara umumnya dapat dilihat dalam rajah 1 di bawah:

Rajah 1: Hubungkait Isolasi Masyarakat Orang Asli dengan Pentafsiran Hukum



Sumber: Analisis pengkaji

Tegasnya, sosio-budaya masyarakat Orang Asli adalah penting untuk difahami dengan sebenar-benarnya. Ketidaktahuan mengenainya akan menyebabkan Islam yang disampaikan kepada mereka disalah erti oleh mereka. Ajaran Islam dirasakan sukar untuk diamalkan, banyak pantang larang, banyak praktik dalam ibadah membebankan dan sebagainya (Che Nur Hasanah, 2018). Lantaran itu tidak menghairankan pengamalan Islam khususnya amalan fardu ain sangat lemah dalam kalangan mereka meskipun sudah lama memeluk agama Islam. Tahap kefahaman dan pelaksanaan ibadah seperti bersuci, solat, pemakanan, pemburuan dan lain-lain berada pada tahap yang tidak memuaskan (Ramlee, 2015; Abd Ghafar, 2014). Antara faktor yang dapat dikenal pasti ialah pendekatan hukum yang *tasyaddud* (keras) tanpa mengambilkira faktor isolasi serta latar belakang kebudayaan masyarakat Orang Asli. Pendekatan keras ini berlaku kerana ada di antara tenaga pengajar yang mengajar ilmu fardhu ain dengan mengetengahkan pandangan fiqh yang tidak sesuai dengan suasana masyarakat Orang Asli, bersikap tergesa-gesa dalam mentaklifkan mereka dengan suruhan agama,

bersikap lebih banyak melarang tradisi mereka sedangkan ada ruang modifikasi supaya selari dengan Islam, mengajar tatacara solat yang rumit sedangkan perlu didahulukan yang rukun daripada yang sunat bahkan yang rukun pun ada bacaan minima sebagai langkah beransur-ansur dalam memberi kefahaman kepada mereka (Engku Ahmad, 2014; Mohamad Zulkifli, 2014).

Selain itu, isolasi juga memberi kesan kepada beberapa masalah seperti berikut:

- i. Kesukaran tenaga pengajar untuk datang ke perkampungan masyarakat Orang Asli
- ii. Kesukaran Orang Asli untuk memahami bahasa asing
- iii. Kesukaran mereka untuk mengamalkan Islam
- iv. Kesukaran mereka untuk menerima perubahan dalam rutin kehidupan dan tradisi mereka

Kesukaran ini menjadikan mereka merasa tidak berminat untuk mengamalkan Islam sedangkan Islam merupakan agama yang mudah dan menuntut kepada kita untuk mempermudah urusan sesuatu kaum. Ini dapat dilihat dalam firman Allah SWT yang inginkan kemudahan kepada umat Islam:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Al-Baqarah 2: 185

Maksudnya: (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.

Begitu juga pesanan Nabi SAW agar mempermudah dan tidak mempersulitkan kepada orang ramai dalam urusan agama seperti mana dalam hadith:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : يَسِّرُوا وَلَا تَعَسِّرُوا ،
وَبَشِّرُوا ، وَلَا تَنْفَرُوا

Maksudnya: Daripada Anas bin Malik, daripada Nabi SAW Baginda berkata: “Permudahkanlah dan janganlah kamu menyukarkan, Gembirakanlah dan janganlah kamu menyebabkan orang lari” (Hadith riwayat al-Bukhari, kitab al-Ilm, no. hadith 69)

Selain itu, keteladanan Rasulullah SAW dalam berinteraksi dengan kaum Badwi (terisolasi) di padang pasir seharusnya dijadikan panduan dan rujukan dalam pembentukan fiqh Orang Asli. Misalnya seperti kebijaksanaan Nabi SAW dalam menangani seorang *a'rabi* yang kencing dalam masjid (Hadis Riwayat Muslim). Begitu juga dengan sifat pemudah cara Imam Abu Hanifah yang memberi sudut pandang baharu dalam bacaan surah al-Fatihah

dalam solat apabila membolehkan membaca surat al-Fatihah dalam bahasa Parsi (Ibn Humam, t.t.):

“Apabila memulakan solat dengan bahasa Parsi atau membaca Fatihah dalam bahasa Parsi atau menyembelih dan membaca Bismillah dengan bahasa Parsi, padahal orang itu pandai membacanya dalam bahasa Arab, maka hal itu mencukupi (sah)”

Manakala menurut Abu Yusuf dan Muhammad, ia tidak dibolehkan sekiranya seseorang itu boleh membaca al-Fatihah dengan baik dalam bahasa Arab. Ijtihad Abu Hanifah ini sudah pasti mengambilkira perihal keadaan seseorang yang terasing daripada pengaruh bahasa Arab (al-Zayla’i, 1314 H). Begitu juga Imam Syafie yang berpindah pandangan dari pandangan lama (*qawl qadim*) kepada pandangan baru (*qawl jadid*) apabila beliau berpindah dari Baghdad ke Mesir. Perubahan hukum ini berlaku menunjukkan beliau amat memahami dan perihatin dengan realiti, persekitaran dan keperluan masyarakat setempat. Ulama mazhab Hanafi seringkali mengulas apabila terdapat perbezaan pandangan antara Imam Abu Hanifah dengan dua sahabatnya iaitu Abu Yusuf dan Muhammad dengan kata-kata: ‘Ini adalah perbezaan masa dan zaman dan bukannya perbezaan hujah dan dalil (al-Qaradawi, 2001).

Selain itu terdapat banyak perbahasan fiqh yang memberi kelonggaran kepada mereka yang baru memeluk Islam atau berada jauh dari kawasan majoriti Islam. Di antaranya pelaksanaan solat iaitu sekiranya seseorang itu mengingkari kewajipan solat dalam keadaan tidak mengetahui bahawa meninggalkan solat boleh membuatnya kafir maka hukum bagi orang ini adalah sebagaimana orang yang jahil (bodoh). Orang ini tidaklah dihukum kafir disebabkan adanya kejahilan pada dirinya yang dinilai sebagai faktor penghalang untuk mendapatkan hukuman (Ibn Qudamah, 1985). Begitu juga keringanan diberikan kepada mereka yang belum sempat menghafaz rukun qauli dalam solat seperti bacaan al-Fatihah dibolehkan menggantikannya dengan mana-mana zikir yang telah dihafal seumpama (سبحان الله والحمد لله ، ولا إله إلا الله ، والله أكبر ، ولا حول ولا قوة إلا بالله). Bahkan kalau satu zikir pun tidak dihafalnya memadai hanya perlu mengikuti sahaja imam tanpa perlu membaca apa-apa (Al-Syarbini, 1997).

Di samping itu, terdapat banyak sarjana kontemporari mengemukakan gagasan fiqh yang bersifat semasa, meraikan situasi setempat serta mengambil kira latar belakang kebudayaan masyarakat seperti Sa’id Ramadan al-Buti (1973), Yusuf al-Qaradawi (2002), Mustafa al-Zuhayli (2006), Bin Bayyah (2019) dan sebagainya. Yusuf al-Qaradawi misalnya telah memberikan penyegaran dan dinamika pemikiran dalam kerangka fiqh dengan terhasilnya penulisan seperti *Fiqh al-Awlawiyyat* (Keutamaan), *Fiqh al-Taghayyur* (Perubahan), *Fiqh al-Aqalliyyat* (Minoriti), *Fiqh al-Waqi’* (Realiti), *Fiqh al-Muwazanat* (Pertimbangan), *Fiqh al-wasatiyyah* (Kesederhanaan), *Fiqh*

al-Taysir (Mempermudahkan) dan lain-lain (Zulkifli Hasan, 2013). Dimensi fiqh ini sangat bersesuaian dengan status dan kedudukan masyarakat Islam Orang Asli sebagai masyarakat minoriti, keterasingan dan memiliki kebudayaan yang tersendiri. Mereka dianggap minoriti kerana bilangan mereka sangat kecil berbanding dengan anutan agama penduduk Orang Asli yang majoritinya beragama animisme dan tidak beragama. Lantaran itu mereka memerlukan sentuhan disiplin hukum yang khusus berbanding dengan masyarakat Islam yang lain di Malaysia disebabkan faktor-faktor berikut:

1. Golongan minoriti dalam kelompok masyarakat di perkampungan mereka.
2. Kedudukan mereka di dalam hutan dan jauh dari pembangunan.
3. Jauh daripada perkampungan masyarakat Islam, tiada interaksi sosial dan kontak budaya.
4. Hidup dalam satu rumah yang mempunyai pelbagai anutan agama khususnya kepercayaan animisme.
5. Konflik di antara tuntutan agama dengan kebudayaan dan tradisi yang telah berakar umbi.
6. Kadar literasi yang rendah.

Sehubungan dengan itu, keadaan isolasi masyarakat Orang Asli juga boleh membuka ruang pelbagai kemudahan (*rukhsah*) yang terdapat dalam hukum Islam. Kesulitan yang dihadapi oleh mereka terutamanya mereka yang baru memeluk Islam untuk mengamalkan Islam sebagai cara hidup boleh diatasi dengan ruang kelonggaran dan kelenturan syariah. Mereka perlu diberi masa dan pendekatan yang sewajarnya bagi mengadaptasi agama yang dianggap asing buat mereka.

Persekitaran dan latar belakang masyarakat Orang Asli perlu diambil kira dalam menentukan pendekatan fiqh yang bersesuaian dengan mereka supaya keindahan Islam dapat diterjemahkan dalam bentuk yang pelbagai. Sekiranya pendekatan fiqh yang diajar kepada mereka tidak selari dengan cara hidup mereka ianya boleh mendatangkan pelbagai masalah kepada mereka dan Islam dilihat sebagai sebuah agama yang menyukarkan dan tidak ada toleransi sedangkan hukum Islam bersifat fleksibel apabila berhadapan dengan realiti, persekitaran, tempat dan masa sebagaimana kaedah fiqh menyatakan: (لا ينكر تغير الأحكام بتغير الزمان والمكان) Maksudnya: Tidak boleh dinafikan berlaku perubahan hukum disebabkan perubahan masa dan tempat (al-Zuhayli, 2006; Mohd Anuar et al., 2018).

Intipati pemikiran al-Qardawi (2001) ketika menjelaskan perbincangan *fiqh al-aqalliyat* boleh dijadikan sandaran dalam merangka fiqh Orang Asli yang mana implementasi hukum hendaklah dibina berdasarkan beberapa tonggak asas, antaranya adalah:

1. Mengambil kira kepada fiqh realiti (*al-waqi'*) keadaan masyarakat setempat.
2. Memberi tumpuan kepada fiqh yang melibatkan kemaslahatan orang ramai berbanding individu.
3. Penggunaan pendekatan yang memudahkan (*al-taysir*).
4. Memelihara kaedah 'berlaku perubahan fatwa dengan adanya perubahan masa, tempat, keadaan, motif dan tradisi.
5. Melaksanakan secara beransur-ansur (*al-tadarruj*).
6. Mengiktiraf keperluan dan hajat manusia.
7. Bebas dari keterikatan dengan satu mazhab.

Di samping itu, khazanah perbendaharaan fiqh yang ditinggalkan oleh ulama silam juga boleh diambil untuk disesuaikan dengan keadaan isolasi masyarakat Islam Orang Asli. Metode *intiqā'i* (al-Qaradawi, 1994) boleh digunakan bagi mencari kesesuaian hukum dengan keadaan masyarakat Orang Asli. Ia digunakan bagi mengambil pandangan ulama silam beserta dalil penghujahan yang digunakan dan kemudiannya memilih pandangan yang terbaik dan bersesuaian dengan realiti masyarakat setempat. Dengan perkataan lain, sarjana semasa akan menggunakan pendekatan *tarjih* bagi meneliti, menilai dan memilih pendapat fuqaha yang terkandung dalam khazanah perbendaharaan fiqh supaya ianya selari dengan persekitaran dan keadaan semasa. Ini bagi merealisasikan objektif syarak, mengelak kesulitan yang dialami oleh masyarakat dan masalah dapat ditegakkan (al-Qaradawi, 1994).

Umumnya terdapat pelbagai isu hukum Islam kalangan masyarakat Orang Asli, bermula dari aspek *taharah* hinggalah kepada kematian. Antara isu hukum Islam dalam kalangan masyarakat Islam Orang Asli adalah pemeliharaan anjing. Anjing binatang yang seringkali berkeliaran di rumah Orang Asli. Pemeliharaannya adalah bagi tujuan keselamatan dan perlindungan daripada binatang buas dan berbisa. Selain itu, aspek makanan juga timbul isu kerana sumber kelangsungan kehidupan masyarakat Orang Asli diperolehi daripada flora dan fauna. Makanan eksotik menjadi pilihan utama seperti beruk, kera, lontong, tupai, ular, katak dan sebagainya (Syed Abdurahman, 2009).

Isu-isu ini perlu ditangani dengan bijak dengan menggunakan pendekatan yang dikemukakan agar Islam dapat ditonjolkan sebagai agama yang mudah dan tidak membebankan mukallaf. Jelasnya, isolasi sosio-budaya masyarakat Orang Asli wajar diambil kira dalam pertimbangan hukum Islam agar ia kekal relevan dan sesuai dilaksanakan mengikut keadaan masa dan realiti setempat.

5. PENUTUP

Tuntasnya, masyarakat Orang Asli yang beragama Islam perlu diberi perhatian yang serius bagi membantu mereka mendalami ilmu agama terutamanya asas fardhu ain. Faktor isolasi geografi dan sosio-budaya seharusnya dijadikan asas dalam pembentukan fiqh Orang Asli yang mempunyai latar belakang kehidupan yang tersendiri. Keanjalan hukum Islam apabila berinteraksi dengan masa, tempat dan persekitaran menjadi rahmat kepada umat Islam bagi melaksanakan taklifan sebagai makhluk. Tambahan lagi di era kini, banyak cadangan supaya pembentukan fiqh didasari kepada unsur lokaliti tempatan seperti fiqh Malaysia, fiqh Nusantara dan lain-lain. Justeru itu, pembentukan model fiqh Orang Asli atau korpus "Fiqh Rimba" wajar dibangunkan bagi memudahkan mereka dalam melaksanakan tuntutan agama sesuai dengan realiti setempat. Pendekatan memudahkan perlu diketengahkan dalam rangka memberi kefahaman secara beransur-ansur mengenai ajaran Islam tanpa mengabaikan prinsip asas dalam Islam di samping tidak menggunakan pendekatan *tatabbu' rukhas* yang dilarang Syarak. Tegasnya, pendekatan ini berasaskan ruang kelonggaran dan kemudahan yang telah digariskan oleh Syariat Islam.

RUJUKAN

Buku

- Abdullah bin al-Mahfuz bin Bayyah. (2019). *Sina'ah al-Fatwa Wa Fiqh al-Aqalliyat*. Abu Dhabi: Markaz al-Muwatta'.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan (1973), *Dawabit al-Maslahah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Carey, I. (1976). *Orang Asli : The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur : Oxford University Press.
- Ibn Humam, Kamal al-Din Muhammad. (t.t.). *Syarh Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah. (1985). *al-Mughni*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Jerry P. White & Paul S. Maxim. (2007). *Community Well-Being: A Comparable Communities Analysis*. t.tp.: Development and Federal Interlocutor for Métis and Non-Status Indians
- Kamus Dewan*. (2005). (edisi keempat), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kroes, G. (2002). Culture Contact and Semai Cultural Identity, Geoffrey Benjamin & Cynthia Chou (eds.). *Tribal Communities in Malay World*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Liarakou, G., Costas Gavrilakis, Evgenia Flogaitis. (2014) *Profiles of Isolated Communities and Ways Into Integration*. ENSI i.n.p.a.

- Mohamad Johdi Salleh & Abdul Razak Ahmad. (2009). Kesedaran Pendidikan Dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli. dalam Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas (eds.), *Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan Dan Sosiobudaya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Firdaus Nurul Huda. (2002). *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam*. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Muhammad Syamsul Aznan Ariffin, Candyrilla Vera Bartholomew & Mohd Tajuddin Abdullah. (2016). Keterancaman dan Kelestarian Kehidupan Masyarakat Orang Asli. dalam Mohd Tajuddin Abdullah, Muhammad Fuad Abdullah, Candyrilla Vera Bartholomew & Rohana Jani (Eds.). *Kelestarian Masyarakat Orang Asli Terengganu*. Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Persoon G. (1998). Isolated groups or indigenous peoples; Indonesia and the international discourse, In: Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde, *Globalization, localization and Indonesia* 154, no: 2, Leiden, 281-304.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2001). *Fi Fiqh al-Aqalliyat al-Muslimah*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2002). *Al-Ijtihad al-Mu'asir Bayn al-Indibat Wa al-Infirah*. Kaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Redzuan Ma'rof & Mohd Taufiq Mahmud. (2008). Orang asli: Ekonomi pasaran dan konsumerisme. In Ma'rof R., & Sarjit S.G. (Eds.), *Orang Asli: Isu, Transformasi Dan Cabaran*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Al-Syarbini, Syamsuddin Muhammad Ahmad al-Khatib. (1997). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Lubnan: Dar al-Ma'rifat.
- Al-Zayla'i, Uthman bin Ali Fakhruddin. (1314H). *Tabyin al-Haqaiq Syarh Khanz al-Daqa'iq*. t.tp: Al-Matba'ah al-Amiriyyah al-kubra.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. (1976). *Usul al-Dakwah*. Baghdad: Dar al-Bayan.
- Al-Zuhayli, Muhammad Mustafa. (2006). *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatuha fi al-Madhahib al-Arba'ah*. Damsyiq: Dar al-Fikr.

Jurnal

- Che Nur Hasanah Che Hussian, Mariam Abd. Majid & Muhammad Yusuf Marlon Abdullah. (2018). Persepsi Masyarakat Orang Asli Terhadap Islam di Kampung Genting Peras, Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam Dan Warisan Selangor*, 2(1), 1-12.
- Coyle, C. E., & Dugan, E. (2012). Social Isolation, Loneliness and Health Among Older Adults. *Journal of Aging and Health*, 24(8), 1346–1363.
- Fakoya, O.A., McCorry, N.K. & Donnelly, M. (2020). Loneliness and Social Isolation Interventions for Older Adults: A Scoping Review of Reviews. *BMC Public Health* 20, 129.

- Gilmartin, H. M., P. G. Grotta, & K. Sousa. (2013). "Isolation: A concept analysis". *Nurs Forum*. 48(1), 54–60.
- Jamilah Mohd Zain & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2017). Aktiviti Dakwah Jakim Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan Dan Cabarannya. *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)*, 1(1), 45-61.
- Johari Talib & Nazri Muslim. (2007). Bagaimana kanak-kanak Orang Asli gagal disekolah?, *MALIM: Jurnal Pengajian Umum* 8, 51-76.
- Joko Triwanto (2000). Pembinaan Masyarakat Terasing dan Perambah Hutan Dalam Rangka Mengentaskan Kemiskinan. *Jurnal Ilmiah Bestari*, 30(13), 52-63.
- Mat Syuroh (2011). Evaluasi Pelaksanaan Program Pembinaan Masyarakat Terasing di Indonesia, *Sosiohumanika*, 4(2), 229-248.
- Mazdi Marzuki, Jabil Mapjabil & Rosmiza Mohd Zainol. (2014). Mengupas Kecirikan Pelajar Orang Asli Malaysia : Suatu Tinjauan Ke Dalam Isu Aksesibiliti Sekolah. *Geografia Online Malaysian Journal Of Society And Space*, 10(2), 189–198.
- Mohd Anuar Ramli, Mohammad Naqib Hamdan, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli & Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar. (2018). "Realisasi Transformasi Hukum Islam Terhadap Isu Fiqh Klasik dan Kontemporari", *Jurnal al-Qanatir* 12(1), 10-21.
- Mohd Muizzuddin Mohd Nor, Mohamad Fauzi Sukimi, Mohd Nasaruddin Mohd Nor (2018). Kesedaran Pendidikan Dan Minat Kerja Pelajar Orang Asli Suku Kaum Jakun di Rompin, Pahang, *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 14(1), 72-86.
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat (2018). Kemiskinan Keluarga dan Pengaruhnya Terhadap Tahap Pendidikan Rendah Masyarakat Luar Bandar: Kajian Kes di Jajahan Bachok, Kelantan. *Journal of Social Sciences And Humanities*, 13(2), 11–23.
- Sugiyanto & Mochamad Syawie, (2007). Mewujudkan Komunitas Adat Terpencil Seajar Dengan Masyarakat Pada Umumnya, *Informasi*, 12(2), 65-69.
- Syed Abdurahman Syed Hussin, (2009). Dakwah Kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan Halangan. *Jurnal Usuluddin*, 30, 155-184.
- Teo, A. R. (2013). Social Isolation Associated With Depression: A Case Report of Hikikomori. *International Journal of Social Psychiatry*, 59(4), 339–341.
- Valtorta, N., & Hanratty, B. (2012). Loneliness, Isolation and The Health of Older Adults: Do We Need A New Research Agenda? *Journal of the Royal Society of Medicine*, 105(12), 518–522.

- Vivien W.C. Yew, Saiful Farisin Md Ramlan & Mohd Rusydi Ahmad. (2019). Pendekatan Kualitatif Untuk Memahami Kualiti Hidup Masyarakat Orang Asli di Pahang. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 4, 191–205.
- Zulfa Jamalie. (2015). Dakwah pada Masyarakat Terasing di Kalimantan Selatan. *Jurnal Dakwah*, 16(1), 1- 18.
- Zulkifli Hasan. (2013). Yusuf al-Qaradawi dan Sumbangan Pemikirannya. *Global Journal Al-Thaqafah*, 3(1), 51–66.

Kertas Persidangan

- Abdullah Sulaiaman & Mohd. Akbal Abdullah. (2001). Kajian terhadap gaya hidup masyarakat Orang Asli di laluan rentasan antara Tanah Rata, Cameron Highlands ke Kampung Lanai, Kuala Lipis, di Banjaran Titiwangsa, Pahang. http://ir.upsi.edu.my/1506/1/kenali_kami_kajian_terhadap_gaya_hidup_masyarakat_Orang_Aslidi_laluan_rentasan_antaratanah_rata%2ccameron_highlands_ke_kampung_lanai%2c_kuala_lipis%2cdi_banjaran_titiwangsa%2cpahang.pdf
- Haliza Abdul Rahman. (2018). "World view masyarakat Orang Asli dan pelestarian alam sekitar". Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah, Bahasa Dan Budaya Di Alam Melayu (ASBAM) ke-7, 375–389.
- Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Johaibi Bin Johan, Abu Dardaa Mohamad, Anuar Puteh. (2014). Dakwah saudara baru Orang Asli dari perspektif maqasid al-Syariah. dalam Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar (Eds.), Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective, <http://www.ukm.my/rsde/wp-content/uploads/2014/11/34-DAKWAH-SAUDARA-BARU-ORANG-ASLI-DARI-PERSPEKTIF-MAQASID.pdf>
- Mohd Izzuddin Ramli. (2010, Mei). *Orang Asli di Malaysia: konflik dan masa depan*. Kertas Kerja Persidangan Mahasiswa Malaysia-Indonesia di Universitas Airlangga, Surabaya, Indonesia. https://www.academia.edu/4759817/Orang_Aslidi_Malaysia_Konflik_Dan_Masa_Depan
- Muhammad Fuad Abdullah, Azmah Othman, Juli Edo, Rohana Jani, Mohd Tajuddin Abdullah & Mohamad Hafis Amat Simin. (2016). Parent's perception on formal education among indigenous in Malaysia. Kertas kerja *International Conference on Education and Regional Development 2016 (ICERD 2016)*. Bandung, Indonesia.
- Muhammad Yusuf Marlon Abdullah et al. (2017). Kecekapan pengurusan surau Orang Asli di Selangor dari aspek kewangan. Kertas kerja 4th

International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017 (IMAF-2017). <http://conference.kuis.edu.my/i-maf/images/e proceedings /2017/328-334-imaf-2017.pdf>

Nor Fariha Aniza Md Isa, Nurul Nadia Ahmad Sobri, & Sofan Hashnuddin. (2016). *Analisis trend penyertaan dan keciciran di kalangan pelajar Orang Asli*. Dilayari 28 Ogos 2019 daripada [https://www.academia.edu/13013765/analisis tren pendidikan orang asli](https://www.academia.edu/13013765/analisis_tren_pendidikan_orang_asli)

Nur Bahiyah Abdul Wahab, Maryati Mohamed, Azman Hassan & Mohd Najib Haron. (2013). Penerapan elemen sekolah rimba Malaysia dalam kalangan murid Orang Asli. Kertas kerja 2nd International Seminar On Quality And Affordable Education (ISQAE 2013), 424–432.

Internet

Dewan Bahasa dan Pustaka (2020). [http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=isolasi dilayari pada 15 Mei 2020](http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=isolasi+dilayari+pada+15+Mei+2020).

JAKOA. (2014). "Pembangunan Sosioekonomi Menjana Kehidupan Orang Asli". <http://www.jakoa.gov.my/wp-content/uploads/2014/12/Pembangunan-Sosioekonomi.pdf> dilayari pada 15 Mei 2020.

KPLB. (2018a). "Keciciran Pelajar Orang Asli Mac 2018", [http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/keciciran -pelajar-orang-asli-mac-2018/resource/77be97a3-775f-4398-9385-84ac24d39b24](http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/keciciran-pelajar-orang-asli-mac-2018/resource/77be97a3-775f-4398-9385-84ac24d39b24) dilayari pada 15 Mei 2020.

KPLB. (2018b). "Sub Etnik Penduduk Orang Asli Mengikut Negeri". http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/penduduk-orang-asli-mengikut-subetnik-mac-2018 dilayari pada 15 Mei 2020.

Lexico Dictionaries. (2020). <https://www.lexico.com/en/definition/isolated> dilayari pada 15 Mei 2020.

Suara Perak (2019). "Kadar Keciciran Pelajar Orang Asli di Sekolah Menengah Meningkatkan", <https://www.suaraperak.com/kadar-keciciran-pelajar-orang-asli-di-sekolah-menengah-meningkat/> dilayari pada 15 Mei 2020

The American Heritage Dictionary. (2020). <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/isolate?q=isolate> dilayari pada 15 Mei 2020.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.